# RINGKASAN EKSEKUTIF

KenEp Consultancy & Services

# RINGKASAN EKSEKUTIF

## *“Cadangan Pembangunan Ladang Hutan di Sebahagian Kompartmen 44, 45, 61, 62, 63, 75 & 77 Dengan Jumlah Keluasan 265.86 Hektar (±656.94 Ekar) di Hutan Simpan Tekai Tembeling (Tambahan), Mukim Tembeling, Daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur”.*

### PENGGERAK PROJEK

**Akokaya Sdn. Bhd.**
(No. Syarikat: 200401019008 (657511-P))
No.1, Tingkat Atas,
Lot 7718, Bandar Inderapura,
27000 Jerantut,
Pahang Darul Makmur.
Tel: +609 – 2661 1788

### PERUNDING EIA

**KenEp Consultancy & Services**
(No. Syarikat: 201503228179 (IP 0436751 – T)
No. 5-9, Jalan Jelapang Bayu 1,
Puncak Jelapang Bayu
30020 Ipoh, Perak.
Tel : +605-525 0336
Fax : +605-525 2908

### KENYATAAN KEPERLUAN

**Sumber**
- Kayu Balak

**Permintaan**
- Pembinaan & industri

**Aktiviti Pembangunan Ladang Hutan**

### KEPERLUAN PERUNDANGAN

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015

Jadual Pertama
Aktiviti 5(e): “PERHUTANAN: Pembangunan ladang hutan yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar”

### LOKASI PROJEK

Sebahagian Kompartmen 44, 45, 61, 62, 63, 75 & 77 di Hutan Simpan Tekai Tembeling (Tambahan), Mukim Tembeling , Daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur.

Tapak projek yang dicadangkan boleh dari bandar Kuala Tahan melalui Jalan Jerantut – Kuala Tahan / Laluan 1508 sejauh ±18.3 km. Jalan masuk tidak berturap (jalan balak lama) boleh ditemui di sebelah kiri jalan utama. Laluan pengangkutan kenderaan berat semasa peringkat pembangunan dan operasi adalah melalui Jalan Jerantut – Kuala Tahan / Laluan 1508. Pihak Pemaju Projek akan bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan jalan sepanjang tempoh pembangunan projek.








**PETUNJUK**

- Cadangan Tapak Projek
- Jalan Masuk Tidak Berturap
- Cadangan Jalan Sekunder
- Cadangan Jalan Tuju
- Cadangan Lorong Penarik

### LATAR BELAKANG PROJEK

Tanah ini telah diluluskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang melalui surat bernombor rujukan: PHN. PHG. (S) 8-84/0389/05 SJ.119 BHG. 4(26) pada 11 Jun 2025 kepada Akokaya Sdn. Bhd. dengan keluasan kira-kira 265.86 hektar (±656.94 ekar) di sebahagian kompartmen 44, 45, 61, 62, 63, 75 & 77 di Hutan Simpan Tekai Tembeling (Tambahan), Mukim Tembeling, Daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur. Penggerak Projek bagi cadangan projek pembangunan ladang hutan ini ialah Akokaya Sdn. Bhd. Akokaya Sdn. Bhd. akan bertanggungjawab bagi melaksanakan penyediaan tapak dan pembangunan ladang hutan di kawasan ini.

Konsep Projek ini adalah untuk membangunkan hutan kepada ladang hutan yang menggunakan sistem perladangan produktiviti tinggi. Pelaksanaan Projek akan dimulakan dengan aktiviti penyediaan tapak termasuklah aktiviti pembalakan diikuti oleh menimbunkan kayu, aktiviti menanam tanaman tutup bumi, baris tanaman, dan menanam pokok eucalyptus, meranti tembaga dan durian.

Kawasan pembersihan akan ditukar kepada ladang hutan sejurus selepas aktiviti penyediaan tapak selesai. Tumbuhan semula jadi yang sedia ada termasuk pokok renek dan semak akan dipelihara. Kemudian, penyelenggaraan ladang seperti merumput, menyiram dan lain-lain akan dijalankan. Projek ini akan dilaksanakan mengikut dua (2) blok dan enam (6) sub-blok bagi meminimumkan gangguan tanah dan mengelakkan penanaman di kawasan sungai.

Terdapat kawasan penempatan dalam radius 5 km daripada tapak Projek yang dicadangkan iaitu Kampung Orang Asli Sungai Tekai (3.25 km, arah barat). Stesen Penyelidikan MPOB Jerantut terletak kira-kira 3.75 km di barat laut daripada tapak Projek yang dicadangkan. Kawasan pertanian yang dikenal pasti di sekitar tapak Projek terdiri daripada ladang kelapa sawit dan getah milik Kemajuan Tanah Kg. Merting (FELCRA) serta ladang kelapa sawit milik Kemajuan Tanah Tembeling Tengah (FELCRA) yang masing-masing terletak di barat daya dan barat laut tapak Projek yang dicadangkan.

### PERSEKITARAN SEDIA ADA

**Topografi**

- Terletak di kawasan rata sehingga sangat curam dengan ketinggian dari 110 m atas min aras laut (AMSL) sehingga 460 m.
- Sebanyak 45.18% dari tapak Projek yang dicadangkan terletak di kawasan beralun dengan kecerunan cerun antara 2˚ hingga 6˚. Kira-kira 0.87% daripadanya mempunyai kecerunan antara 25˚ hingga 35˚, manakala 0.28% daripadanya mempunyai kecerunan melebihi 35˚.

**Geologi** – Jurassic Cretaceous

**Mineral** – Dalam radius 5 km, tiada mineral bukan logam dan mineral logam.

**Tanah**

Tanah Bandar (Urban Land)

**Hidrologi**

Air larian permukaan dari Blok A dan bahagian utara Blok B akan mengalir melalui kolam perangkap sedimen ke anak Sungai Penut, manakala air larian permukaan dari bahagian selatan Blok B akan mengalir ke anak Sungai Hangus; kedua-duanya seterusnya mengalir ke Sungai Tekai dan akhirnya ke Sungai Tembeling.

**Muka Sauk**

Loji Rawatan Air Batu Embun (54.64 km, barat daya)

**Meteorologi**

Batu Embun

**Guna Tanah Sedia Ada**

Penempatan terdekat :-

- Kampung Orang Asli Sungai Tekai ( 3.25 km, barat)
- Stesen Penyelidikan MPOB Jerantut (3.75 km, barat laut)

Kawasan pertanian terdekat :-

- Ladang kelapa sawit dan getah milik FELCRA Kg. Merting (barat daya)
- Ladang kelapa sawit milik FELCRA Tembeling Tengah (barat laut)

Rujukan Laporan: KCS/AKO/1261-EIA-0725-7299

# RINGKASAN EKSEKUTIF

## *"Cadangan Pembangunan Ladang Hutan di Sebahagian Kompartmen 44, 45, 61, 62, 63, 75 & 77 Dengan Jumlah Keluasan 265.86 Hektar (±656.94 Ekar) di Hutan Simpan Tekai Tembeling, Mukim Tembeling, Daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur".*

## AKTIVITI PROJEK

### *PERANCANGAN*

- *Kajian tanah & topografi;*
- *Penjadualan kerja;*
- *Kajian dasar alam sekitar;*
- *Kajian hidupan liar; dan*
- *Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling.*

### *PEMBANGUNAN*

- *Penandaan dan kedudukan sempadan;*
- *Pembinaan jalan dan saliran;*
- *Pembinaan kolam perangkap mendap;*
- *Penubuhan tapak pejabat dan rumah pekerja;*
- *Pembalakan (pengeluaran kayu);*
- *Teres*
- *Pengurusan biojisim;*
- *Tanaman tutup bumi; dan*
- *Pengurusan hidupan liar.*

### *OPERASI*

- *Penubuhan tapak semaian dan penyelenggaraan;*
- *Pembinaan parit haiwan; dan*
- *Penubuhan lapangan (baris tanaman, membuat lubang dan menanam anak benih); dan*
- *Pengurusan hidupan liar.*

### *PENYELENGGARAAN DAN PENUAIAN*

- *Merumput dan membaja;*
- *Pembajaan;*
- *Pengurusan dan penjimatan air;*
- *Kawalan rumpai dan serangga perosak;*
- *Pemangkasan dan Penipisan;*
- *Penuaian dan Penyelenggaraan Ladang Selepas Tuai; dan*
- *Penanaman semula.*

### *PENINGGALAN*

- *Penghapusan struktur dan kemudahan; dan*
- *Penanaman semula di tanah yang terganggu.*

## PENILAIAN IMPAK DAN LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

| IMPAK BERPOTENSI | CADANGAN PENCEGAHAN PENCEMARAN DAN LANGKAH MITIGASI |
|---|---|
|  **Pencemaran Air dan Kelodakan** | **1) Hadkan kawasan kerja secara minimum dan percepatkan kerja semasa musim kemarau;<br>2) Pemasangan Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) sebelum pembangunan dimulakan;<br>3) Menjalankan penyelenggaraan berkala bagi kolam perangkap sedimen;<br>4) Mengekalkan *bund* dan saliran di kawasan cadangan tapak Projek;<br>5) Pemantauan kualiti air pada pelepasan kolam perangkap sedimen;<br>6) Menjalankan program pemantauan kualiti air;<br>7) Mengekalkan zon penampan sungai;<br>8) Pemasangan tolok hujan; dan<br>9) Pembangunan projek dijalankan secara blok** |
|  **Pencemaran Bunyi** | **1) Jentera yang digunakan harus diperiksa dan diselenggara dengan baik;<br>2) Sebarang aduan daripada penduduk berhampiran hendaklah segera diambil tindakan;<br>3) Kawal selia bilangan perjalanan kenderaan luaran dan dalaman setiap hari;<br>4) Menjalankan program pemantauan bunyi bising;<br>5) Menyediakan penyumbat telinga atau penutup telinga kepada pekerja;<br>6) Mengadakan syif kerja untuk pekerja; dan<br>7) Menjalankan ujian audiometri ke atas pekerja** |
|  **Pencemaran Udara/ Habuk** | **1) Kerap menyembur air pada permukaan yang terdedah terutamanya pada musim kemarau;<br>2) Memastikan semua kenderaan melalui ruang cuci sebelum keluar je jalan utama;<br>3) Kawalan trafik seperti had laju dan sekatan bilangan trafik;<br>4) Kenderaan yang mengangkut bahan binaan hendaklah ditutup dengan kain tarpaulin;<br>5) Pembakaran terbuka adalah dilarang;<br>6) Kenderaan perlu diselenggara dengan betul; dan<br>7) Menjalankan program pemantauan udara ambien** |
|  ***Konflik Manusia-Hidupan Liar*** | **1) Mengadakan kerjasama dengan Jabatan Perhilitan apabila perlu;<br>2) Memastikan kakitangan yang mengendalikan pengurusan alam sekitar dan hidupan liar dilantik;<br>3) Bekerjasama dengan penduduk tempatan yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman;<br>4) Larangan memberi makanan kepada hidupan liar; dan<br>5) Memburu, mengganggu, menangkap, memusnahkan, mengurung dan/atau membiak haiwan adalah dilarang** |
|  **Sisa Bahan Buangan** | **1) Tiada pembakaran terbuka;<br>2) Tong pelupusan yang mencukupi disediakan di tapak;<br>3) Pelupusan yang betul di tapak pelupusan yang diluluskan;<br>4) Kawasan penyimpanan buangan terjadual yang sesuai perlu disediakan;<br>5) Pekerja hendaklah dibekalkan dengan kemudahan sanitasi yang mencukupi;<br>6) Penyelenggaraan tangki septik secara berkala; dan<br>7) Setiap pekerja hendaklah dibekalkan dengan pakaian dan peralatan yang sesuai semasa penyemburan racun perosak dan penggunaan baja** |
|  **Keselamatan dan Kesihatan Pekerja** | **1) Perhatikan aspek keselamatan yang berkaitan dengan keadaan projek;<br>2) Mematuhi pelan tindak balas kecemasan yang digubal;<br>3) Pengemasan yang betul di lokasi tapak projek;<br>4) Pekerja asing mesti menjalani saringan perubatan melalui FOMEMA;<br>5) Pastikan tiada tempat takungan air yang boleh mengakibatkan pembiakan nyamuk; dan<br>6) Pekerja diminta memakai baju lengan panjang dengan seluar panjang** |
|  **Sosio Ekonomi** | **1) Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat;<br>2) Langkah-langkah keselamatan jalan raya dan tebatan habuk mesti dilaksanakan;<br>3) Pemaju Projek hendaklah membaiki jika terdapat sebarang kerosakan jalan yang disebabkan oleh kenderaan berat; dan<br>4) Pergerakan peralatan dan jentera hendaklah dirancang dan dipantau dengan rapi** |



**Trafik**

**1) Pengangkutan bahan dan kenderaan berat keluar masuk dari tapak projek hendaklah dielakkan ketika waktu puncak;**
**2) Kelajuan kenderaan perlu dihadkan kepada maksimum 30 km/jam (atau had laju lain yang ditetapkan) untuk mengurangkan kesan habuk dan keselamatan;**
**3) Langkah-langkah keselamatan untuk memuatkan dan mengangkut bahan binaan dan bahan mentah jentera berat akan dipatuhi pada setiap masa;**
**4) Kenderaan yang digunakan perlu diselenggara dengan baik dan pemandu perlulah cekap dan mempunyai lesen;**
**5) Perancangan dan penyelarasan yang baik akan mengurangkan kekerapan keluar masuk dan bilangan perjalanan;**
**6) Pasang papan tanda yang menunjukkan kenderaan berat perlu bergerak perlahan melalui jalan awam berhampiran persimpangan ke kawasan cadangan tapak Projek; dan**
**7) Akokaya Sdn. Bhd. akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa muatan maksimum kenderaan berat yang keluar dari tapak mematuhi had berat yang dibenarkan oleh JKR**



**Pengurusan biojisim**

1. **Pokok yang ditebang mesti dipotong menjadi kepingan kecil, ditimbun di antara barisan tanaman, dan dibiarkan reput atau digunakan untuk disusun bagi bertindak sebagai penahan tanah dan mengurangkan hakisan;**
2. **Pokok yang tidak boleh dipasarkan boleh digunakan sebagai bahan pembinaan untuk jambatan sementara atau sebagai asas dalam pembangunan jalan;**
3. **Sisa biojisim boleh dikumpulkan untuk digunakan sebagai perlindungan hakisan dan cerun;**
4. **Selain itu, sisa biojisim juga boleh dibiarkan untuk dijadikan sungkupan di tapak dan diletakkan di kawasan yang terdedah; dan**
5. **Sisa biojisim akan dijual kepada kilang yang memproses sisa tersebut menjadipapan cip sebagai bahan untuk perabot.**

Rujukan Laporan: KCS/AKO/1261-EIA-0725-7299

## RINGKASAN EKSEKUTIF

### *“Cadangan Pembangunan Ladang Hutan di Sebahagian Kompartmen 44, 45, 61, 62, 63, 75 & 77, Dengan Jumlah Keluasan 265.86 Hektar (±656.94 Ekar) di Hutan Simpan Tekai Tembeling (Tambahan), Mukim Tembeling, Daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur”.*

### PEMANTAUAN PRESTASI (PM)

| Komponen | Parameter | Lokasi | Kekerapan |
|---|---|---|---|
| **Kolam Perangkap Kelodak** | **Kawalan Lumpur** (Jumlah Pepejal Terampai, Kekeruhan) | Rujuk **Lampiran 5-2: LDP2M2** | Bulanan |
| **Jalan Masuk** | Kawalan Habuk | - | Tiga Bulan Sekali |
| **Longkang Tanah dengan Check Dam** | Paras Mendapan | | |
| **Zon Penampan Sungai** | Prestasi | | |
| **Tanaman Tutup Bumi** | | | |
| **Laluan Air (Pembetung)** | Struktur dan Prestasi | | |

### PEMANTAUAN PEMATUHAN (CM)

| Komponen | Parameter | Lokasi | Kekerapan |
|---|---|---|---|
| **Kolam Perangkap Kelodak** | Jumlah Pepejal Terampai, Kekeruhan | Rujuk **Lampiran 5-2: LDP2M2** | Bulanan, dan dalam masa 24 jam selepas hujan ≥12.5mm |
| **Pemeriksaan Tapak oleh CePEOEIA, CISEC / CESSWI dan CePSWaM** | - | - | Suku tahun, dan dalam masa 24 jam selepas hujan ≥12.5mm |
| **Audit Alam Sekitar** | - | - | Setiap suku tahun bermula dari gangguan tanah sehingga ke satu tempoh yang dipersetujui oleh JAS |

### PEMANTAUAN KESAN (IM)

| Komponen | Lokasi | Parameter & Kekerapan |
|---|---|---|
| **Kualiti Air Sungai** | 20 stesen (Anak Sungai Penut dan anak Sungai Hangus) | **Parameter:** Suhu, pH, Permintaan Oksigen Kimia, Permintaan Oksigen Biologi, Nitrogen Ammonia, Minyak & Gris, Jumlah Pepejal Terampai, Oksigen Terlarut, Fosforus, Nitrat dan Jumlah Koliform<br>**Kekerapan:** Bulanan |
| **Kualiti Udara Ambien** | 4 stesen (sempadan tapak projek, jalan masuk dan Kampung Orang Asli Sungai Tekai) | **Parameter:** $PM_{10}$<br>**Kekerapan:** Bulanan |
| **Tahap Bunyi Bising** | | **Parameter:** Leq, Lmax, $L_{10}$, $L_{90}$<br>**Kekerapan:** Suku Tahun |




| No | Latitud | Longitud |
|---|---|---|
| W1 | 4°15'50.88"N | 102°26'54.28"E |
| W2 | 4°15'47.12"N | 102°26'47.48"E |
| W3 | 4°15'34.04"N | 102°26'28.80"E |
| W4 | 4°15'15.21"N | 102°26'10.96"E |
| W5 | 4°15'34.58"N | 102°26'46.53"E |
| W6 | 4°15'33.00"N | 102°27'1.22"E |
| W7 | 4°15'17.75"N | 102°26'50.88"E |
| W8 | 4°15'41.24"N | 102°27'3.33"E |
| W9 | 4°15'18.77"N | 102°26'25.16"E |
| W10 | 4°14'55.21"N | 102°26'54.39"E |
| W11 | 4°14'46.34"N | 102°26'49.64"E |
| W12 | 4°14'44.08"N | 102°26'39.12"E |
| W13 | 4°14'37.44"N | 102°27'20.11"E |
| W14 | 4°14'50.17"N | 102°27'35.66"E |
| W15 | 4°14'19.83"N | 102°27'15.08"E |
| W16 | 4°14'5.12"N | 102°27'6.03"E |
| W17 | 4°14'5.36"N | 102°27'27.79"E |
| W18 | 4°14'7.47"N | 102°27'38.16"E |
| W19 | 4°14'5.43"N | 102°27'48.30"E |
| W20 | 4°14'19.04"N | 102°27'54.19"E |
| A1N1 | 4°14'50.71"N | 102°24'10.44"E |
| A2N2 | 4°15'11.18"N | 102°26'15.60"E |
| A3N3 | 4°14'52.40"N | 102°27'37.93"E |
| A4N4 | 4°14'45"N | 102°24'19"E |

**PETUNJUK**

- Kawasan Tapak Projek
- Jalan Raya Tunggal
- Kelapa Sawit
- Lorong Berkereta Motor
- Bangunan di Luar Bandar
- Beluar, Riung dan Huma
- Pasir dan Lumpur
- Mukim
- Hutan Rimba
- Tebing Tinggi
- Rumput
- Getah
- Pelbagai Tanaman Bukan Pokok Baka
- Stesen Pemantauan Kualiti Air (W)
- Stesen Pemantauan Kualiti Udara dan Bunyi (A,N)
- Air Tandak Kampung Orang Asli Sungai Tekai
- Sungai
- Pelbagai Tanaman Pokok Baka
- Kontur
- Rizab (Hutan dll.)
- Jalan Masuk Tidak Berturap
- Jalan Utama Sediada (Jalan Jerantut-Kuala Tahan)